



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	5 FEB 2015



DR. MAHATHIR MOHAMAD diiringi Abd. Latif Mohmod (dua dari kiri) melihat plak lawatan Projek Digital FRIM di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A.MAJID

Kurangkan pembalakan

Oleh KAMIL MASLIH
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 FEB.

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menggesa kegiatan pembalakan dikurangkan bagi mengelakkan bencana banjir besar berulang di Pantai Timur.

Menurut beliau, tindakan mencegah pembalakan haram sahaja tidak mencukupi, sebaliknya, kerajaan juga perlu mengawal pembalakan berlesen.

"Saya berpendapat bukan sahaja kita perlu tumpu pembalakan haram, yang halal (pembalakan berlesen) pun patut dikurangkan, kita ada banyak punca kekayaan di dalam negara kita yang tidak menyebabkan alam sekitar dicemari.

"Jadi, kalau kita kurangkan potong kayu, walaupun secara halal, kita akan dapat banyak manfaat," katanya selepas lawatan ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini hari ini.

Dalam lawatan berkenaan, beliau merasmikan pemasangan plak

FRIM sebagai warisn kebangsaan dan menerima menerima talimat mengenai pelaksanaan Projek Digital FRIM.

Projek Digital FRIM yang dijayakan menerusi kerjasama FRIM dengan Cube Global Sdn. Bhd. merupakan inisiatif untuk mendokumentasikan semua pokok dan pelbagai tarikan di FRIM secara digital.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Zool Azha Yusof dan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

Menurut Dr. Mahathir, pembalakan menjadi antara punca banjir besar berlaku di Pantai Timur kerana kegiatan itu memusnahkan kawasan tadahan hujan.

"Kalau kita tidak berjaga-jaga, masalah yang sama akan berulang setiap tahun, kita harus ambil iktibar daripada peristiwa ini dan mencari jalan mengekalkan hutan," katanya.

Mengenai dakwaan wujudnya warga Malaysia yang mensabotajkan ekonomi negara dengan menjatuhkan nilai ringgit, beliau berkata, kejatuhan nilai ringgit pada 1998

adalah kerana pedagang mata wang antarabangsa manakala faktor kejatuhan kali ini harus dikaji dengan teliti.

"Kita kena pastikan betul atau tidak dia (orang didakwa) menjual mata wang Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, mengulas tentang trend harga barang yang tidak turun walaupun harga minyak turun, Dr. Mahathir berkata, manfaat daripada harga minyak rendah tidak dapat dirasakan sepenuhnya kerana nilai ringgit jatuh menyebabkan kos import meningkat.

Ketika diminta mengulas mengenai kenyataan boikot peniaga oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, yang dianggap perkauman itu, beliau berkata: "Kalau kita hendak berkelahi pasal rasis, saya pun tidak boleh komen sebab orang juga kata saya rasis".

Dalam pada itu, Dr. Mahathir meluahkan rasa gembira dapat kembali melawat FRIM selepas cadangannya pada 30 tahun lalu berjaya menjadikan FRIM sebuah badan berkanun selain kawasan FRIM menjadi destinasi pelancongan.